

ANALISIS SOSIAL

Menjalankan Analisis Sosial Awal

1. Analisis ini dijalankan khusus untuk menentukan skop isu kemiskinan dan sosial yang perlu ditangani semasa mereka bentuk projek. Analisis ini meliputi:

- menentukan bahawa projek adalah selari dengan matlamat nasional berhubung isu seperti mengurangkan kadar kemiskinan, persamaan gender, pengagihan pendapatan, dll.;
- mengenal pasti golongan yang mendapat faedah atau kesan negatif daripada projek;
- mengenal pasti ciri-ciri umum kumpulan atau golongan yang terlibat akibat daripada pelaksanaan projek;
- mengenal pasti institusi yang akan terlibat dalam projek dan menilaikan keupayaan mereka;
- mengenal pasti isu kemiskinan termasuk masalah sosial semasa mereka bentuk projek. Ini termasuklah penempatan semula, gender, orang asli, dll.; dan
- mengenal pasti skop dan keperluan pelan perundingan dan pelan penyertaan.

Organisasi dan Skop Analisis Sosial

2. Skop Analisis Sosial yang akan dijalankan semasa fasa mereka bentuk projek tertakluk kepada isu sosial yang telah dikenal pasti terlebih dahulu. Terdapat beberapa kaedah pengumpulan data untuk melaksanakan Analisis Sosial yang perlu dikendalikan mengikut urutan seperti berikut:

- Memberi perhatian kepada isu sosial penting yang telah dikenal pasti terlebih dahulu;
- Menyediakan input pembangunan sosial yang berkaitan kepada Analisis Teknikal, Ekonomi, dan sebagainya;

- Menggabungkan langkah yang sesuai dalam mereka bentuk projek, termasuk tindakan sosial atau pelan mitigasi; dan
- Menyediakan data penanda aras yang sesuai untuk memantau impak sosial projek semasa pelaksanaan. Analisis Sosial boleh dikendalikan secara berbeza bergantung kepada jenis projek itu.

Contoh

- Dalam projek meningkatkan kesejahteraan hidup, Analisis Sosial akan dikendalikan berasaskan kepada kaji selidik sosioekonomi dan penilaian segera penyertaan (*Participatory Rapid Assessments-PRA*) kumpulan sasaran penduduk dengan turut memasukkan analisis gender. Sekiranya projek melibatkan isu keselamatan sosial yang melibatkan masyarakat orang asli, soal selidik tambahan, perundingan atau lain-lain penelitian hendaklah dimasukkan dalam Analisis Sosial.
- Bagi projek pengangkutan yang melibatkan isu penempatan semula, Analisis Sosial melibatkan kajian menggunakan soal selidik serta kaedah lain yang berkaitan bagi menyediakan pelan penempatan semula yang sesuai. Walau bagaimanapun, soal selidik tambahan, perundingan, dan penelitian lain perlu juga diambil kira semasa membuat penilaian terhadap permintaan tempatan bagi kemudahan pengangkutan yang dicadangkan. Keupayaan penduduk setempat untuk melibatkan diri dalam penyelenggaraan jalan, isu keselamatan jalan raya dan/atau risiko jangkitan HIV adalah berkaitan dengan projek dan data asas perlu dikumpul bagi tujuan memantau kesan sosial.
- Bagi projek sektoral, Analisis Sosial akan melibatkan
 - (i) soal selidik, perundingan, dan lain-lain kaedah yang sesuai untuk menilai isu sosial dalam kawasan sampel sub-projek;
 - (ii) penyediaan pelan terperinci atau langkah lain bagi menangani isu sosial yang penting (seperti penempatan semula secara paksaan) dalam sub-projek ini; dan
 - (iii) penyediaan suatu kerangka untuk mengambil kira isu sosial dalam sub-projek masa hadapan, termasuk kriteria untuk menjalankan Analisis Sosial lanjutan dan membentuk pelan yang lebih spesifik atau lain-lain langkah masa hadapan.

Mengenal Pasti Penerima Faedah, Menilai Keperluan, Permintaan, Kekangan dan Keupayaan Mereka.

3. Analisis Sosial hendaklah mengenal pasti keperluan asas, permintaan, kekangan dan keupayaan setiap sub-kumpulan dalam masyarakat yang terlibat dalam projek berkenaan pada peringkat awal lagi. Profil ini merupakan input yang penting dalam proses reka bentuk projek, termasuk analisis masalah pembangunan, objektif, alternatif, dan menyediakan data asas bagi memantau kesan sosial projek kepada kumpulan yang berkaitan. Penilaian keperluan kumpulan adalah penting bagi tiga tujuan berikut:

- Bagi memahami keutamaan sesuatu keperluan berbanding dengan pelbagai keperluan lain kumpulan berkenaan dan menentukan sama ada projek tersebut sesuai bagi memenuhi keperluan tersebut secara berasingan daripada masalah utama lain dan risiko dalam komuniti berkenaan;
- Bagi memastikan tiada percanggahan di antara keperluan objektif sesuatu komuniti seperti keperluan bagi mempertingkatkan kebersihan sebagai langkah meningkatkan taraf kesihatan dengan keperluan yang dirasakan oleh komuniti atau sub-kumpulan berlainan, ada di antara mereka yang tidak menyedari hubungan di antara kebersihan dan kesihatan (implikasi reka bentuk situasi sedemikian merupakan keperluan pemasaran sosial atau maklumat, pendidikan dan saluran komunikasi); dan
- Bagi memahami sebab-sebab asas keperluan yang dirasakan. Misalnya, penduduk kawasan setinggan mungkin secara nyata menghadapi kekurangan bekalan air. Ini mungkin disebabkan oleh pelbagai faktor seperti perumahan haram, tidak mampu membayar yuran penyambungan atau pengguna, tiadanya kumpulan pengguna bagi menguruskan kemudahan atau pusat perkhidmatan, akses yang terhad kepada perkhidmatan alternatif berkualiti rendah yang berpatutan dengan keupayaan atau kesediaan mereka untuk membayar.

Menilai Permintaan

4. Bagi projek yang bertujuan untuk menyediakan atau meningkatkan kemudahan atau perkhidmatan, adalah penting supaya penilaian dibuat terhadap permintaan daripada pelanggan atau penerima faedah daripada projek. Jika tidak, kemudahan/perkhidmatan yang diberikan mungkin tidak sesuai, tidak mampu dimiliki atau tidak mampan. Maklumat berhubung dengan permintaan terhadap projek dapat diperolehi melalui kajian bagi menentukan keupayaan dan kesediaan untuk membayar.

Menilai Kekangan

5. Maklumat sosioekonomi hendaklah mengenal pasti faktor utama yang boleh menghadkan penyertaan sub-kumpulan dalam aktiviti projek, atau akses sama rata ke atas faedah projek. Tanpa analisis ini, projek mungkin secara tidak sengaja meminggirkan kumpulan sosial tertentu atau menyekat mereka dari menyertai dan menikmati aktiviti projek.

Menilai Keupayaan

6. Khususnya bagi projek yang membekal kemudahan atau perkhidmatan kepada isi rumah atau komuniti tertentu, adalah penting supaya dinilai keupayaan mereka untuk mendapatkan, mengguna dan menyelenggara kemudahan/perkhidmatan yang akan disediakan. Maklumat ini perlu bagi menentukan:

- sokongan yang diperlukan untuk mengatur kumpulan pengguna,
- komponen latihan teknikal yang perlu untuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan, dan
- kempen maklumat atau pemasaran sosial yang mungkin perlu untuk meningkatkan kesedaran dan permintaan.

Menangani Ketidaksamarataan Gender

7. Perbezaan utama peranan antara kaum lelaki dan wanita, atau norma gender yang lain, akan memberi kesan ke atas projek. Perbezaan gender ini mengakibatkan kaum wanita dan lelaki mempunyai keperluan, permintaan, dan kekangan yang berbeza. Oleh itu, masalah ini hendaklah dikenal pasti di peringkat awal, iaitu semasa proses mereka bentuk dan sebelum keputusan penting dibuat. Sekiranya isu perbezaan ini diabaikan, prospek kejayaan projek akan terjejas dan kaum wanita mungkin tidak berpeluang menikmati faedah projek yang sama seperti kaum lelaki. Norma sosial berkaitan dengan peranan gender sering mengakibatkan:

- ketidaksamarataan berasaskan gender dalam menguasai dan mendapat akses kepada sumber utama;
- peluang yang tidak sama rata untuk kaum wanita dan lelaki dalam bidang seperti pendidikan, mobiliti sosial dan membuat keputusan awam; dan
- diskriminasi secara formal atau tidak formal terhadap kaum wanita dalam bidang seperti pembahagian harta pusaka, hakmilik dan pendaftaran tanah, akses kepada kemudahan pinjaman dan peluang pekerjaan.

8. Analisis Gender terperinci hendaklah dimasukkan dalam Analisis Sosial sekiranya:

- penglibatan kaum wanita yang meluas dalam sektor tertentu;
- projek yang dicadangkan mempunyai potensi secara langsung untuk meningkatkan akses wanita kepada peluang, perkhidmatan, aset dan sumber; dan
- projek mungkin memberi impak negatif terhadap kaum wanita. Berasaskan analisis ini, langkah yang sesuai perlu dikenal pasti dan dimasukkan dalam reka bentuk projek bagi memastikan kaum wanita menyertai dan menikmati faedah projek.

NOTA:

Kumpulan sosial dikenal pasti semasa Analisis *Stakeholder* dijalankan di peringkat reka bentuk projek. Setelah kumpulan ini dikenal pasti, keperluan, permintaan, kekangan dan keupayaan mereka di pertimbangkan semasa membuat Analisis Masalah bagi menentukan objektif projek. Isu berkaitan turut diberi penekanan semasa reka bentuk projek menggunakan *Logical Framework Matrix* (LFM).